

1813/SZ
MAHATHIR-KEMPEN

78 (P)
KUALA LUMPUR, 20 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, MASIH ADA KEMPEN YANG BERTERUSAN UNTUK MENGGAGALKAN DASAR EKONOMI BARU DAN BELIAU MENGINGATKAN ORANG-ORANG YANG TERLIBAT SUPAYA MENGHENTIKAN KEGIATAN TERSEBUT.

PERBUATAN SEPERTI ITU TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA ORANG-ORANG YANG TERLIBAT ATAUPUN NEGARA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DI SATU SEMINAR DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, KERAJAAN TELAH MENUNJUKKAN KESEDIAANNYA UNTUF MENGUBAHSUAI PENDEKATAN DAN CARA-CARA PELAKSANAAN DASAR TERSEBUT, TETAPI IA TIDAK AKAN MENGUBAH MATLAMATNYA MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT.

KERAJAAN BERAZAM MENCAPAI MATLAMAT INI KERANA IA MERUPAKAN SATU-SATU SAJA CARA MEMPASTIKAN FESTABILAN DAN HARMONI SERTA PERTUMBUHAN DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERCAFAP DI SEMINAR MENGENAI +DASAR EKONOMI BARU - IMPLIKASI KEWANGAN, PERBADANAN DAN CUKAI PENYUSUNAN SEMULA PERBADANAN BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN DASAR EKONOMI BARU.+ -- BERSAMBUNG 1807/SZ

MAHATHIR-KEMPEN 2 KUALA LUMPUR

106
TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, DASAR EKONOMI BARU BERTUJUAN UNTUK MENGURANGKAN JURANG YANG BOLEH MENYEBABKAN KETEGANGAN ANTARA KAUM DI MALAYSIA DAN KEMUNGKINAN BERLAKU SEMULA PERISTIWA RUSUHAN TAHUN 1969.

KATANYA, PERNIAGAAN MAJU DAN BERFEMBANG DALAM SUASANA AMAN DAN STABIL DAN DARI ITU, DASAR EKONOMI BARU ADALAH BAIK UNTUK PERNIAGAAN WALAUPUN JIKA IA MENGENAKAN SEMUA JENIS SEKATAN.

+ADALAH LEBIH BAIK MENERIMA SEKATAN-SEKATAN INI DARIPADA MENGALAMI KEADAAN YANG TIDAK STABIL, PILIHANNYA ADALAH ANTARA DUA INI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN, KERAJAAN TIDAK DAPAT MENIMBANGKAN KEPENTINGAN SEMUA PIHAK DALAM MERANGKA DAN MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU KERANA KEAMANAN DAN KESTABILAN JUGA BAIK UNTUK KERAJAAN.

+SAYA TELAH MENERANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR TENTANG PENTINGNYA SATU DASAR EKONOMI DAN IA MESTILAH DIKENAKAN SEKATAN,+ TAMBAHNYA.

+TUJUANNYA IALAH UNTUK ANDA SEMUA MENERIMANYA. BILA SESAORANG ITU MENERIMA SESUATU YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN, MAKA IA AKAN TIDAK LAGI MENENTANGNYA DENGAN SIA-SIA. -- BERSAMBUNG 1810/SZ

££

B610

MAHATHIR-KEMPEN 3 KUALA LUMPUR

+SEBALIKNYA, IA AKAN CUBA HIDUP DENGANNYA DAN AKHIRNYA AKAN MENDAPATI IA BUKAN SAHAJA MUDAH DAN MENGUNTUNGGAN, MALAH IDEANYA YANG DIANGGAP BAIK ITU SEBENARNYA TIDAK BENAR-BENAR BAIK.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEBAHAGIAN BESAR SYARIKAT-SYARIKAT ASING MENERIMA DASAR EKONOMI BARU DAN TELAH PUN MENDAPAT FAEDAH DARINYA.

MALAH, SETENGAH-SETENGAH DARIPADA MEREKA TELAH MENGGUNAKAN SYARAT-SYARAT SEKARANG ITU UNTUK FAEDAH DAN KEUNTUNGGAN SENDIRI, TAMBAHNYA.

+AHLI-AHLI PERNIAGAAN TEMPATAN JUGA BOLEH MELAKUKAN PERKARA ITU KECUALI SEKIRANYA MEREKA BENAR-BENAR TIDAK SETARAF DAN TIDAK BERKEMAMPUAN MELAKSANAKAN APA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH AHLI-AHLI PERNIAGAAN ASING.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PESERTA SEMINAR ITU BAHAWA PERBINCANGAN MEREKA HANYA AKAN BERHASIL SEKIRANYA MEREKA CUBA MENGUBAHSUAI KEPADA DASAR TERSEBUT DAN BUKANNYA MENDESAK SATU DASAR UNTUK DISESUAIKAN BAGI KEPERLUAN SENDIRI. — BERNAMA 1813/SZ

MAHATHIR-KEMPEN 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 610)

MENTERI PELAJARAN, DATUK MUSA HITAM, MEMBERITAHU SEMINAR ITU BAHAWA ADUAN-ADUAN PELABUR-PELABUR SWASTA TENTANG KELAMBATAN DI PERINGKAT NEGERI DALAM PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK MEREKA TELAH DIBINCANGKAN DI MESYUARAT-MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO.

KATANYA, PERDANA-MENTERI SANGAT MEMANDANG BERAT ADUAN-ADUAN ITU DAN IA AKAN DIKAJI DENGAN SERIUSNYA SUPAYA DIJUDUKAN PENYELARASA YANG LEBIH BAIK DALAM PERLAKSANAAN DASAR-DASAR.

DI NEGERI-NEGERI DI MANA MENTERI BESAR ATAU KETUA MENTERI BUKAN DARI UMNO, ISU ITU JUGA DIAMBIL TINDAKAN DALAM RANGKA KERJA BARISAN NASIONAL.

BELIAU MENJAWAB TEGURAN-TEGURAN PARA PESERTA SEMINAR ITU YANG MENGATAKAN PADA KETIKA KERAJAAN PERSEKUTUAN BERSIKAI +BERTOLAK-ANSOR+ DAN PRAGMATIS, ADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SANG TIDAK MENGIKUT ALIRAN ITU.

SEBELUM ITU DATUK MUSA YANG JUGA PEMANGKU MENTERI PERUSAHAAN UTAMA BERKATA DASAR EKONOMI BARU ADALAH SATU GERAKAN YANG MELIBATKAN SEMUA SEKTOR DALAM CARA HIDUP MALAYSIA TETAPI KERAJAAN TELAH MEMBUKTIKAN IA BOLEH BERSIKAP TOLAK-ANSOR DAN PRAGMATIS DALAM PERLAKSANANNYA.

BELIAU MENGGESA SEKTOR-SEKTOR SWASTA MEMBERI KERJASAMA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU. — BERNAMA 1925/SZ